

# Usaha baru tingkat harmoni kaum

New Initiative to heighten racial harmony

## PM Lee lancarkan OnePeople.sg bagi galak interaksi antara warga

Oleh AZAHAR MOHD

azahar@sph.com.sg

SATU inisiatif baru bagi meningkatkan keharmonian kaum di sini, OnePeople.sg, telah dilancarkan semalam.

Antara lain ia bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap budaya lain, membantu orang ramai supaya lebih sensitif sewaktu berinteraksi dan menjadi pusat satu hentian maklumat bagi isu-isu antara agama dan bangsa.

Penubuhan pertubuhan baru itu dilancarkan Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, sewaktu meraikan sambutan ulang tahun ke-10 Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) di River Promenade, Old Parliament Lane, petang

semalam.

OnePeople.sg ditubuhkan selepas Pusat Khidmat Sosial Bersama (JSSC) dirombak sebelum digabungkan untuk menggembungkan sumber tenaga dari kelima-lima CDC dan lima badan bantu diri termasuk Yayasan Mendaki.

Jawatankuasa Pengurusan OnePeople.sg akan dipengerusikan Mayor CDC Central Singapore dan AP GRC Bishan-Toa Payoh, Encik Zainudin Nordin.

Menurut Encik Lee, OnePeople.sg akan mempelopori usaha memupuk hubungan dan persefahaman lebih baik di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di sini.

“Ia juga akan meningkatkan kesedaran terhadap

**“Kita juga akan memastikan masyarakat minoriti mempunyai ruang untuk menghidupkan warisan mereka dan tidak rasa tertekan dengan masyarakat majoriti Cina.”**

— Encik Lee Hsien Loong.

budaya lain, membantu orang ramai untuk lebih sensitif dan memahami apabila mereka berinteraksi dan menjadi satu pusat hentian maklumat mengenai isu-isu antara agama dan bangsa,” ujar Encik Lee lagi.

Beliau juga berjanji Permerintah akan terus me-

mastikan Singapura kekal selamat dan masyarakat yang harmoni dan menyediakan peluang-peluang kepada semua untuk merayakan potensi mereka.

“Kita juga akan memastikan masyarakat minoriti mempunyai ruang untuk menghidupkan warisan

mereka dan tidak rasa tertekan dengan masyarakat majoriti Cina.

“Kita juga akan mengintegrasikan penduduk kita di estet-estet HDB dan melindungi ruang-ruang sesama di sekolah-sekolah, kejiraninan dan tempat kerja, supaya warga Singapura mempunyai banyak peluang untuk membesar, hidup dan bermain bersama,” ujarnya lagi.

Namun, dalam pada itu, Perdana Menteri menegaskan bahawa usaha memupuk hubungan dan persefahaman lebih baik di kalangan masyarakat berbilang kaum bukan tanggungjawab pemimpin agama dan masyarakat saaja.

Menurutnya, setiap individu boleh memainkan peranan sedang mereka meneruskan kehidupan sehari-hari mereka.

“Perkara kecil seperti lebih sensitif terhadap keperluan satu sama lain, mengajak orang lain untuk menyertai perbualan, menghulurkan bantuan atau duduk semeja akan membawa perbezaan dan meninggalkan kesan yang mendalam,” ujarnya lagi.

Encik Zainudin pula berkata beliau mahu melihat OnePeople.sg mendekati lebih ramai golongan muda dan memastikan CDC dan badan bantu diri digembungkan secepat mungkin bagi melaksanakan program-program keharmonian kaum.

“Walaupun terdapat kesedaran yang tinggi mengenai keharmonian kaum, kita mahu melihat lebih daripada jelmaan fizikal seperti mengenakan pakaian etnik sewaktu Hari Keharmonian Kaum,” ujarnya.